

ABD HAKIM MOHAD, KASIM MANSUR &  
ROS AIZA MOHD MOKHTAR

## Dakwah Islam di Sabah, Malaysia: Satu Eksplorasi Awal

**ABSTRAKSI:** Isu dakwah di Sabah, Malaysia adalah antara yang menarik perhatian ramai pengkaji. Sementara itu, secara hakikat, Sabah merupakan sebuah negeri yang amat terkenal dengan sikap toleransi masyarakatnya yang berbilang bangsa, budaya, dan agama. Di saat masyarakat Islam dan Kristian di Semenanjung Malaysia berselisih faham tentang penggunaan kalimah Allah, masyarakat di Sabah masih mampu bertenang dan menjalani kehidupan seperti biasa. Dalam diam, Sabah mendahului negeri-negeri lain di Malaysia dari segi bilangan orang yang memeluk Islam. Ironinya, kebanyakan mereka adalah dari penganut agama Kristian. Berdasarkan kepada dua fakta ini, tentunya hal berkaitan aktiviti dakwah di Sabah wajar untuk dikongsikan. Penelitian ini membincangkan tentang peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan agama Islam, seperti JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah), MUIS (Majlis Ugama Islam Sabah), dan JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) berkaitan aktiviti dakwah. Selain itu, perbincangan tentang cabaran dakwah juga disentuh secara sepintas lalu; diikuti dengan tinjauan tentang program-program peng-Islam-an yang dijalankan. Akhir sekali, penelitian ini membuat refleksi terhadap usaha dakwah yang telah dijalankan. Meskipun perbincangan dan hasil kajian yang dilakukan pada 2008, namun perkembangan terkini juga diambil perkiraan dalam penulisan ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh.

**KATA KUNCI:** Islam; Dakwah; Mualaf; Sabah; Agensi Kerajaan Berasaskan Islam.

**ABSTRACT:** "Proselytization of Islam in Sabah, Malaysia: An Early Exploration". Proselytization issue in Sabah, Malaysia were among those attracted many researchers. Meanwhile, in fact, Sabah is a state well-known for its tolerant community that consists of diverse races, cultures, and religions. During the time when the Muslim and Christian communities in Malaysia Peninsula were in disagreement about the usage of the term Allah, the community in Sabah still managed to remain calm and carried on with their daily activities. However, Sabah has unobstrusively become one of the states in Malaysia that is leading in terms of Islamic conversion. Ironically, many of the converts were Christians. Based on these two facts, matters revolving the activity of Islamic proselytization in Sabah ought to be discussed. This paper examines the role of Islamic government agencies, such as JHEAINS (Sabah State Institution for Islamic Religious Affairs), MUIS (Islamic Religious Body of Sabah), and JAKIM (Islamic Development Institution of Malaysia) in the activities of proselytization. Furthermore, a discussion on the challenges in proselytization will also be addressed briefly; followed by a review on the programmes that are being implemented. Consequently, this paper reflects on the efforts of proselytization that have taken place. Eventhough the discussion in this paper is a result of a research conducted in 2008, however current development related to the issues are also taken into consideration. The research employs both the qualitative and quantitative approaches for a comprehensive view on the matter.

**KEY WORD:** Islam; Proselytization; Convert; Sabah; Governmental Organization-Based Islam

**About the Authors:** **Dr. Abd Hakim Mohad** ialah Pensyarah Kanan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UMS (Universiti Malaysia Sabah), 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. **Prof. Datuk Dr. Kasim Mansur** ialah Pensyarah di Fakulti Perniagaan, Ekonomi, dan Perakaunan UMS Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. **Dr. Ros Aiza Mohd Mokhtar** ialah Pensyarah Kanan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UMS Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi secara terus melalui emel di: [abdhakim@ums.edu.my](mailto:abdhakim@ums.edu.my), [kmansur@ums.edu.my](mailto:kmansur@ums.edu.my), dan [rosaiza@ums.edu.my](mailto:rosaiza@ums.edu.my)

**How to cite this article?** Mohad, Abd Hakim, Kasim Mansur & Ros Aiza Mohd Mokhtar. (2016). "Dakwah Islam di Sabah, Malaysia: Satu Eksplorasi Awal" in *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, Vol.1(2), August, pp.151-166. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, ISSN 2443-1776.


**Chronicle of the article:** Accepted (March 30, 2016); Revised (June 25, 2016); and Published (August 30, 2016).

## PENDAHULUAN

Berdakwah, atau menyampaikan risalah Islam, merupakan sebahagian daripada tanggungjawab yang perlu dipenuhi oleh setiap individu Muslim, walau di mana mereka berada (Zin, 1997; al-Qaradhawi, 2001; dan al-Maududi, 2010). Bentuk dakwah itu banyak, dan bukan semestinya semata-mata menyampaikan menerusi lisan atau perkataan. Bahkan dalam sesetengah keadaan, dakwah menerusi perbuatan dengan memberi contoh dan teladan yang baik adalah lebih berkesan dan berjaya menarik minat masyarakat untuk mengenali Islam dengan lebih dekat lagi.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa dakwah mempunyai skop yang luas dan tidak terbatas kepada hal menyampaikan risalah Islam kepada yang bukan Islam sahaja (Mohamed, 2002; dan Yusof & Said, 2010). Namun demikian, dari satu segi bilangan orang yang memeluk Islam (*mualaf*) boleh dijadikan sebagai salah satu kayu ukur untuk kita melihat tahap kejayaan dakwah yang dilakukan.

Makalah ini menumpukan perbincangannya dalam aspek peng-Islaman golongan *mualaf* dan perkembangan kehidupan beragama golongan ini di Sabah, Malaysia. Selain itu, antara perkara yang turut disentuh ialah tentang aktiviti dakwah yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan, seperti JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah), MUIS (Majlis Ugama Islam Sabah), dan JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), khususnya dalam membimbing golongan



**Carta 1:**  
Peratusan Penduduk Mengikut Agama  
(Sumber: JP Malaysia, 2010)

*mualaf* ini. Selain itu, perbincangan tentang keberkesanan program yang dilaksanakan turut dibuat berdasarkan maklumbalas yang diperolehi daripada mereka yang terlibat.

## PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP AGAMA ISLAM DI SABAH

Carta 1 menunjukkan taburan peratusan penduduk mengikut agama di negeri Sabah, Malaysia pada tahun 2010. Daripada carta 1 ini, penganut Islam menunjukkan bilangan yang paling ramai di Sabah, iaitu 1,658,285 orang (65.4%). Kemudian diikuti oleh Kristian, iaitu seramai 724,833 orang (26.5%); Hindu 2,836 orang (0.1%); Buddha 166,298 orang (6.1%); Confusius/Tao dan agama tradisi lain orang Cina 10,634 orang; agama suku kaum (*folk religion*) 396 orang; lain-lain 7,559 orang; tidak ada agama 26,598 orang; dan tidak diketahui adalah seramai 6,046 orang (Puteh *et al.*, 2010).

Hal ini menjadikan isu dakwah di Sabah, Malaysia adalah antara yang

**Jadual 1:**  
Statistik *Mualaf* Seluruh Malaysia

Negeri/ Tahun	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004	Jumlah
Perlis	7	7	12	14	23	35	33	457	11	25	21	33	45	34	11	52
Kedah	72	120	100	107	120	161	147	138	151	166	123	147	153	190	192	619
P. Pinang	180	192	184	240	259	113	245	245	255	234	238	274	244	241	250	990
Perak	249	186	332	263	609	1,108	1,092	821	618	343	983	324	569	584	502	3552
Selangor	367	238	224	826	414	417	184	392	508	454	347	745	330	1,098	1,206	3706
Kuala Lumpur	284	328	400	445	623	440	500	411	1,055	455	630	471	802	851	457	3413
N. Sembilan	98	122	145	90	148	163	194	167	160	145	159	187	228	197	204	879
Melaka	180	74	148	150	157	152	137	166	169	162	106	129	666	138	176	1622
Johor	248	235	364	296	379	402	567	461	441	479	555	585	655	818	606	2715
Pahang	99	107	151	209	158	206	235	277	184	238	155	115	177	252	243	1075
Terengganu	82	82	75	115	166	117	94	79	60	94	76	76	43	88	41	403
Sarawak	1,085	921	875	853	849	794	992	1,016	465	884	780	752	1,114	1,127	1,057	5975
Sabah	660	838	1,294	1,222	1,333	1,010	1,045	1,379	1,190	1035	1316	1254	1230	1712	1778	7592
W.P. Labuan	108	142	63	106	77	85	111	88	104	85	101	97	98	114	132	1015
Kelantan	107	161	145	194	155	198	199	531	227	314	365	275	291	304	521	3466

Sumber: <http://www.islam.gov.my/informasi/statistikсударabarbaru.html> (2/3/2016);

dan disesuaikan dari Osman Abdullah@Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri (2008:124).

menarik perhatian ramai pengkaji. Terdapat beberapa ciri yang menjadikan Sabah sebagai satu negeri yang unik dari segi kehidupan beragama masyarakatnya (JHEAINS, 2007; Tamring, 2008; Buyong, 2013; dan Talib *et al.*, 2014). Di sini, kita boleh menemukan berbagai agama dalam satu keluarga. Dengan perkataan yang mudah, kepelbagaian agama boleh dilihat dalam sebuah keluarga. Adakalanya dalam satu keluarga itu ada yang berpegang kepada agama Islam, Kristian, Buddha, Sikh, dan kepercayaan tradisional. Mereka hidup bersama dan saling hormat-menghormati antara satu dengan lain (Sintang, 2003 dan 2014). Bagi keluarga seperti ini, biasanya mereka akan menyambut semua perayaan agama oleh ahli keluarga mereka.

Selain itu, Sabah juga menarik untuk dikaji kerana ia merupakan negeri yang mencatatkan jumlah tertinggi yang memeluk Islam (*mualaf*), sejak 1992 hingga 2004, di Malaysia. Lihat jadual 1. Kedua-dua fakta ini bukan sekadar maklumat yang dapat memberikan gambaran tentang

masyarakat Sabah, tetapi juga amat signifikan dengan isu dakwah yang selalu dibincangkan. Dari satu segi, senario ini menunjukkan kepada kita bahawa di Sabah, bersikap terbuka terhadap kehadiran agama lain mempunyai kelebihan tersendiri dalam dakwah (JP Sabah, 2000 dan 2001; JP Malaysia, 2003; dan Talib *et al.*, 2014).

Jadual 1 menunjukkan jumlah *mualaf* di seluruh negara Malaysia dari 1990 hingga 2004, dan negeri Sabah mencatatkan bilangan *mualaf* tertinggi, iaitu 7,592 sepanjang tempoh 15 tahun tersebut. Diikuti oleh negeri Sarawak, Selangor, Perak, dan negeri-negeri lain. Jumlah *mualaf* di Sabah boleh dianggap besar dan signifikan mengatasi negeri-negeri lain, yang bilangannya hanya mencecah antara kira-kira 3,000 – 5,000 orang di setiap negeri.

Berdasarkan kepada jadual 2, perkahwinan campur antara pasangan Islam asal dan *mualaf* adalah 98 orang pada tahun 2004; 141 orang pada tahun 2005; dan 148 pada tahun 2006. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian mereka yang memeluk Islam di Sabah

**Jadual 2:**

Perkahwinan Campur antara Pasangan yang Asalnya Berlainan Agama di Kota Kinabalu, 2004-2006

Agama Suami	Agama Isteri	2004	2005	2006
Islam	Kristian	56	75	61
Islam	Pagan	8	10	7
Islam	Buddha	1	4	2
Kristian	Islam	17	31	43
Buddha	Islam	5	5	7
Pagan	Islam	0	9	8
Kristian	Kristian	7	6	14
Kristian	Pagan	0	0	2
Pagan	Kristiam	3	0	0
Pagan	Buddha	0	0	1
Buddha	Pagan	0	1	0
Pagan	Kristian	1	0	3
<b>Jumlah</b>		<b>98</b>	<b>141</b>	<b>148</b>

Sumber: JHEAINS [Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah] (2007).

**Jadual 3:**

Rekod Peng-Islam-an Daerah Kota Kinabalu, 2004-2006

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2004	200	277	477
2005	273	405	678
2006	226	358	584

Sumber: JHEAINS [Jabatan Hal Elwal Agama Islam Negeri Sabah] (2007).

ialah disebabkan oleh perkahwinan. Ini merupakan perkara yang positif, kerana melalui ikatan perkahwinan secara campur ini akan memberi kesan positif kepada kaum Muslim amnya dan saudara baru khususnya dalam pelbagai aspek (Leng & Shukri, 2008; dan Jones *et al.*, 2009).

Antara kebaikan dan kepentingan tersebut adalah seperti menyumbang kepada penyebaran dakwah Islamiah, memelihara agama dan pemantapan *aqidah*, mendapat jaminan perlindungan, mengeratkan perpaduan dan hubungan silaturahim, serta memperolehi zuriat atau baka yang baik (Puteh, Muhamat & Don, 2011).

Jika diperhalusi lagi, maklumat pada jadual 2, sebahagian besar yang berkahwin campur dan memeluk Islam (*mualaf*) adalah pada asalnya beragama Kristian.

Ianya melibatkan seramai 17 lelaki dan 56 wanita pada tahun 2004; 31 lelaki dan 75 wanita pada tahun 2005; dan 43 lelaki dan 61 wanita pada tahun 2006. Dengan lain perkataan, masyarakat Kristian merupakan golongan sasaran dakwah Islam yang utama di Sabah (Kib, 2003; Nor, 2007; Leng & Shukri, 2008; dan Mohad *et al.*, 2015).

Jadual 3 pula menunjukkan bilangan yang masuk Islam pada tahun 2004 ialah seramai 477 orang; tahun 2005 seramai 678 orang; dan tahun 2006 seramai 584 orang. Jika dibuat perbandingan antara jumlah yang masuk Islam dan yang berkahwin pada tahun-tahun tersebut, maka peratusan yang memeluk Islam, yang disebabkan oleh perkahwinan, ialah antara 20-25%. Manakala selebihnya adalah disebabkan oleh lain-lain faktor.

Antara faktor-faktor yang dikenal pasti ialah faktor dorongan ahli keluarga dan rakan-rakan; kesedaran sendiri; pengaruh masyarakat setempat; kesembuhan dari penyakit setelah berubat dengan orang alim, atau menggunakan kaedah perubatan Islam; serta usaha pendakwah dari agensi kerajaan, seperti MUIS (Majlis Ugama Islam Sabah), JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah), dan sebagainya (Daud, 2010; dan Yusof & Said, 2010).

#### ***Program Khas untuk Mualaf.***

Lazimnya, sebaik sahaja seseorang itu memeluk Islam, pihak JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah) akan mengadakan berbagai program susulan, khusus untuk mereka bagi menjelaskan dengan lebih mendalam tentang agama Islam serta tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebagai seorang Muslim. Program-program ini ada yang berbentuk seminar, ceramah, kelas-kelas pengajian, dan konvensyen, seperti Kursus Asas Saudara Kita, Kelas Bimbingan Saudara Kita, dan Konvensyen Pembangunan Saudara Kita (Puteh *et al.*, 2010).

Berdasarkan kepada modul sedia ada, program yang pertama untuk *mualaf* ialah berbentuk seminar, di mana para peserta akan mengikuti program yang diisi oleh pegawai-pegawai JHEAINS yang terlatih. Pengisiannya bekisar hal-hal berkaitan kehidupan seharian, isu-isu agama, *muamalah* dengan masyarakat sekeliling, serta ilmu *fardhu ain* dan *fardhu kifayah*. Selain itu, terdapat juga pengisian yang menyentuh soal psikologi dan sokongan sosial bagi *mualaf*.

Program yang berbentuk kelas pengajian pula dijalankan pada setiap Sabtu, dari jam 8 pagi hingga 12 tengahari. Modul pengajiannya mengambil masa 3 tahun untuk disempurnakan. Antara penekanan

yang diberikan semasa kelas ini berjalan ialah tentang ilmu *fardhu ain*, termasuklah mengaji, cara bersembahyang, cara berpuasa, dan sebagainya. Selepas tamat pengajian ini, para peserta dapat menguasai ilmu *fardhu ain* dan berupaya menjalankan tanggungjawabnya sebagai individu Muslim.

Bagi mengukuhkan dan mendalami ilmu yang ada, maka bolehlah mereka menghadiri kelas harian, mingguan, dan bulanan, yang dianjurkan oleh pelbagai pihak, seperti JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah), MUIS (Majlis Ugama Islam Sabah), Masjid, dan sebagainya (Puteh *et al.*, 2010).

#### ***Amalan Agama Golongan Mualaf.***

Golongan *mualaf* sebenarnya perlu memiliki jiwa yang kental dalam menjalani kehidupan sebagai Muslim sejati. Banyak pengalaman yang telah dicatatkan tentang cabaran yang dihadapi oleh golongan ini, sebaik sahaja membuat keputusan untuk menganut agama Islam. Lebih memeritkan, apabila cabaran itu pula datangnya daripada keluarga terdekat, seperti ibu bapa dan adik-beradik. Selain itu, ada juga yang menempuh pengalaman mengerikan apabila kurang mendapat sokongan sosial daripada masyarakat Islam sendiri (Guleng, 2014:79).

Semua cabaran ini perlu mereka tempuhi dengan tabah dan sabar. Ilmu Islam yang ditimba perlu diamalkan secara konsisten dalam kehidupan mereka. Sehingga sekarang belum ada satu kajian yang komprehensif tentang amalan kehidupan beragama golongan *mualaf*. Namun demikian, terdapat beberapa indikasi yang boleh kita perolehi daripada hasil kajian yang dilakukan oleh penyelidik PERASA (Pembangunan Rakyat Sabah), yang diketuai oleh Prof. Madya Dato Dr. Kassim Mansor pada tahun 2008 (PERASA, 2008).

**Jadual 4:**  
 Kemampuan Membaca *Al-Qur'an*

Kemampuan Membaca <i>Al-Qur'an</i>	Mualaf	
	Bilangan	%
1. Tidak Tahu	37	1.1
2. Kurang Lancar	1,117	32.3
3. Sederhana Lancar	1,332	38.6
4. Lancar	810	23.5
5. Sangat Lancar	157	4.5
<b>Jumlah</b>	<b>3,453</b>	<b>100.0</b>
<b>Min</b>	<b>2.03</b>	

Sumber: PERASA [Pembangunan Rakyat Sabah] (2008).

**Jadual 5:**  
 Usaha Memahami *Al-Qur'an*

Program yang Diikuti		Mualaf	
		%	Bilangan
Membaca tafsir <i>Al-Qur'an</i> .	Ya	1,151	33.3
	Tidak	2,302	66.7
Mengikuti kelas tafsir <i>Al-Qur'an</i> yang dianjurkan oleh badan dakwah.	Ya	621	18.0
	Tidak	2,832	82.0
Menyertai majlis ilmu berkaitan dengan <i>Al-Qur'an</i> .	Ya	571	16.5
	Tidak	2,882	83.5
Mempelajari program tafsir <i>Al-Qur'an</i> dari TV dan Radio.	Ya	466	13.5
	Tidak	2,987	86.5
Mempelajari melalui CD, video, dan kaset.	Ya	329	9.5
	Tidak	3,124	90.5
Belajar dengan imam dan ustaz di kampung.	Ya	543	15.7
	Tidak	2,910	84.3
Belajar dengan ustaz di sekolah.	Ya	404	11.7
	Tidak	3,049	88.3
Tiada usaha.	Ya	855	24.8
	Tidak	2,598	75.2

Sumber: PERASA [Pembangunan Rakyat Sabah] (2008).

Antaranya ialah tentang keupayaan golongan *mualaf* membaca *Al-Qur'an*, sebagaimana yang tertera pada jadual 4.

Jadual 4 menunjukkan kemampuan golongan *mualaf* membaca *Al-Qur'an*. Kemampuan mereka diukur melalui nilai Min yang diperolehi hasil analisis 5 pilihan jawapan, yang menggambarkan tahap kemampuan mereka membaca *Al-Qur'an* secara keseluruhan. Perlu dinyatakan di sini bahawa semakin besar nilai Min tersebut,

maka semakin baik kemampuan responden membaca *Al-Qur'an*.

Berdasarkan jadual 4 pula, didapati bahawa tahap kemampuan membaca *Al-Qur'an*, responden *mualaf* berada pada tahap kurang lancar. Nilai Min kemampuan membaca *Al-Qur'an* responden *mualaf* ialah 2.03. Dapatan ini secara keseluruhannya memberikan gambaran bahawa keupayaan golongan *mualaf* membaca *Al-Qur'an* adalah rendah.

**Jadual 6:**  
Minat dan Respon *Mualaf* terhadap Program Dakwah

Organisasi	Bilangan	%
JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah)	1,042	30.2
ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia)	102	3.0
JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia)	418	12.1
USIA ( <i>United Sabah Islamic Association</i> )	153	4.4
MUIS (Majlis Ugama Islam Sabah)	483	14.0
YADIM (Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia)	107	3.1

Sumber: PERASA [Pembangunan Rakyat Sabah] (2008).

Jadual 5 menunjukkan usaha yang dilakukan oleh golongan *mualaf* untuk memahami *Al-Qur'an*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 75.2 peratus responden secara keseluruhannya telah berusaha untuk memahami *Al-Qur'an*; dan selebihnya, 24.8 peratus, tiada sebarang usaha. Dapatan ini amat menarik dan membuktikan bahawa golongan *mualaf* amat bersemangat untuk memahami *Al-Qur'an*. Sebagai penganut agama baru, sikap golongan *mualaf* ini amat positif dan pihak berkuasa perlu berterusan memotivasi dan mewujudkan program-program pengukuhan kalangan *mualaf* (Puteh *et al.*, 2010).

Bagi responden *mualaf*, antara tiga usaha utama yang mereka lakukan untuk memahami *Al-Qur'an* ialah: membaca tafsir *Al-Qur'an*, mengikuti kelas tafsir *Al-Qur'an* yang dianjurkan oleh badan dakwah, serta menyertai majlis ilmu berkaitan dengan *Al-Qur'an* (*cf* PERASA, 2008; dan Puteh *et al.*, 2010).

Selain itu, responden juga didapati berminat untuk belajar sendiri melalui CD (*Compact Disc*), video, dan kaset; serta mengikuti program tafsir *Al-Qur'an* dari Televisyen dan Radio, dengan catatan 23 peratus *mualaf* menjadikan media sebagai cara untuk memahami *Al-Qur'an*. Justeru itu, untuk memberikan pelbagai

pilihan kepada penduduk Islam agar mudah memahami *Al-Qur'an*, pihak-pihak yang berwajib perlu menambah dan mempelbagaikan lagi program-program TV (Televisyen) berbentuk keagamaan dan menghasilkan pelbagai bahan dalam bentuk CD, DVD (*Digital Versatile Disc*), atau dalam bentuk visual lain, bagi memudahkan masyarakat untuk belajar dan memahami ajaran Islam. Bagi kawasan-kawasan yang terpencil dan tidak mendapat saluran Radio dan TV, program-program keagamaan secara bersemuka perlu diperbanyakkan.

***Minat dan Respon Masyarakat Islam terhadap Program Dakwah.*** Pembahagian tanggungjawab terhadap hal ehwal agama Islam di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di Malaysia sememangnya telah dipersetujui. Kerajaan Negeri mempunyai tanggungjawab yang lebih besar dalam aktiviti dakwah (Yusof & Said, 2010).

Jadual 6 menunjukkan minat dan respon *mualaf* terhadap aktiviti dakwah yang dijalankan oleh organisasi Islam di Sabah. Maklum balas yang diberikan oleh responden menunjukkan bahawa seramai 1,042 *mualaf* (30.2%) terlibat dalam aktiviti dakwah, yang dianjurkan oleh JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah) berbanding organisasi lain. Penglibatan *mualaf* dalam aktiviti

**Jadual 8:**  
 Mengalami Kesukaran Menunaikan Ibadah Puasa

Nama Daerah		Mualaf	
		Bilangan	%
Beaufort	Ya	14	14.4
	Tidak	83	85.6
Beluran	Ya	18	21.4
	Tidak	66	78.6
Keningau	Ya	81	21.0
	Tidak	305	79.0
Kinabatangan	Ya	7	13.5
	Tidak	45	86.5
Koa Belud	Ya	22	21.0
	Tidak	83	79.0
Kota Kinabalu	Ya	130	17.1
	Tidak	630	82.9
Kota Marudu	Ya	10	22.7
	Tidak	34	77.3
Kuala Penyu	Ya	0	.0
	Tidak	16	100.0
Kudat	Ya	36	17.6
	Tidak	169	82.4
Kunak	Ya	10	14.5
	Tidak	59	85.5
Labuan	Ya	26	28.0
	Tidak	67	72.0
Lahad Datu	Ya	14	10.1
	Tidak	124	89.9
Membakut	Ya	6	14.0
	Tidak	37	86.0
Nabawan	Ya	60	39.5
	Tidak	92	60.5
Papar	Ya	8	6.5
	Tidak	115	93.5
Penampang	Ya	0	.0
	Tidak	5	100.0
Pitas	Ya	6	24.0
	Tidak	19	76.0
Ranau	Ya	61	24.6
	Tidak	187	75.4
Sandakan	Ya	18	15.5
	Tidak	98	84.5
Semporna	Ya	1	11.1
	Tidak	8	88.9
Sipitang	Ya	6	12.2
	Tidak	43	87.8
Tambunan	Ya	8	6.7
	Tidak	112	93.3
Tawau	Ya	40	15.5
	Tidak	218	84.5



Nama Daerah		Mualaf	
		Bilangan	%
Telupid	Ya	9	20.0
	Tidak	36	80.0
Tenom	Ya	12	19.7
	Tidak	49	80.3
Tongod	Ya	0	.0
	Tidak	8	100.0
Tuaran	Ya	16	11.3
	Tidak	126	88.7
<b>Jumlah</b>	<b>Ya</b>	<b>619</b>	<b>17.9</b>
	<b>Tidak</b>	<b>2,834</b>	<b>82.1</b>

Sumber: PERASA [Pembangunan Rakyat Sabah] (2008).

**Jadual 9:**  
Mengalami Kesukaran Bersembahyang

Nama Daerah		Mualaf	
		Bilangan	%
Beaufort	Ya	32	33.0
	Tidak	65	67.0
Beluran	Ya	44	52.4
	Tidak	40	47.6
Keningau	Ya	139	36.0
	Tidak	247	64.0
Kinabatangan	Ya	26	50.0
	Tidak	26	50.0
Koa Belud	Ya	30	28.6
	Tidak	75	71.4
Kota Kinabalu	Ya	186	24.5
	Tidak	574	75.5
Kota Marudu	Ya	21	47.7
	Tidak	23	52.3
Kuala Penyu	Ya	2	12.5
	Tidak	14	87.5
Kudat	Ya	101	49.3
	Tidak	104	50.7
Kunak	Ya	12	17.4
	Tidak	57	82.6
Labuan	Ya	29	31.2
	Tidak	64	68.8
Lahad Datu	Ya	26	18.8
	Tidak	112	81.2
Membakut	Ya	7	16.3
	Tidak	36	83.7
Nabawan	Ya	83	54.6
	Tidak	69	45.4
Papar	Ya	20	16.3
	Tidak	103	83.7
Penampang	Ya	2	40.0
	Tidak	3	60.0

Nama Daerah		Mualaf	
		%	Bilangan
Pitas	Ya	11	44.0
	Tidak	14	56.0
Ranau	Ya	97	39.1
	Tidak	151	60.9
Sandakan	Ya	10	8.6
	Tidak	106	91.4
Semporna	Ya	3	33.3
	Tidak	6	66.7
Sipitang	Ya	22	44.9
	Tidak	27	55.1
Tambunan	Ya	23	19.2
	Tidak	97	80.8
Tawau	Ya	108	41.9
	Tidak	150	58.1
Telupid	Ya	11	24.4
	Tidak	34	75.6
Tenom	Ya	16	26.2
	Tidak	45	73.8
Tongod	Ya	3	37.5
	Tidak	5	62.5
Tuaran	Ya	53	37.3
	Tidak	89	62.7
<b>Jumlah</b>	<b>Ya</b>	<b>1117</b>	<b>32.3</b>
	<b>Tidak</b>	<b>2,336</b>	<b>67.7</b>

Nota: Ya = Tiada Masalah; dan Tidak = Ada Masalah.

Sumber: PERASA [Pembangunan Rakyat Sabah] (2008).

dakwah yang dianjurkan oleh organisasi lain, mengikut susunan maklum balas responden, ialah MUIS (Majlis Ugama Islam Sabah), JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), USIA (*United Sabah Islamic Association*), YADIM (Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia), dan ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia). Hasil kajian ini sejajar dengan peranan yang sedia dipertanggungjawabkan kepada organisasi dakwah di Sabah (Yusof & Said, 2010).

Jadual 7 pula menunjukkan tempat responden belajar *Al-Qur'an*, yang mewakili *Mualaf* dan Muslim Asal, yang dibahagikan mengikut daerah di Sabah, Malaysia. Jadual ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempelajari *Al-Qur'an* di surau dan masjid, dengan 2,209 responden mewakili 25.3

peratus. Tempat kedua yang paling ramai bagi responden dalam belajar *Al-Qur'an* ialah melalui kelas bimbingan agama secara formal, seperti KAFA (Kelas Agama dan *Fardhu Ain*), MUIS (Majlis Ugama Islam Sabah), dan USIA (*United Sabah Islamic Association*), dimana ia melibatkan 1,759 responden atau 20.2 peratus. Hanya 572 orang responden, atau 6.6 peratus, mempelajari *Al-Qur'an* melalui Radio dan Televisyen.

Ini menunjukkan bahawa kekurangan program di Televisyen dan Radio membataskan pembelajaran responden. Daerah Sandakan di Sabah, Malaysia, mencatatkan daerah yang paling ramai mempelajari *Al-Qur'an* di masjid dan surau, mewakili 9.2 peratus; diikuti daerah

**Jadual 10:**  
Komitmen Pasangan *Mualaf* terhadap Ajaran Islam

Soalan	Jawapan	Bilangan	Peratus
Adakah Pasangan Anda Komited dengan Ajaran Islam?	Ya	1,983	77.86
	Tidak	564	22.14
<b>Jumlah</b>		<b>2,547</b>	<b>100</b>

Sumber: PERASA [Pembangunan Rakyat Sabah] (2008).

Kota Kinabalu, 8.9 peratus. Daerah Tongod mencatatkan data paling sedikit, iaitu 0.5 peratus, kerana bilangan masjid dan surau yang sangat terhad di daerah ini, dan kawasan ini juga merupakan kawasan minoriti Muslim.

Jadual 8 dan 9 menunjukkan bahawa terdapat sebahagian kecil golongan *mualaf* yang mengalami kesukaran untuk melaksanakan tuntutan puasa dan sholat. Berdasarkan kepada temubual mendalam, yang dijalankan ke atas sebahagian daripada mereka yang mengalami kesukaran untuk melaksanakan tuntutan Islam, seperti sholat, puasa, dan membaca *Al-Qur'an*, sebahagian besar daripadanya menyatakan bahawa mereka kurang kefahaman dan pengetahuan tentang cara pelaksanaan sesuatu amal ibadah (temubual dengan Responden A, 3/7/2009; temubual dengan Responden B, 10/7/2009; temubual dengan Responden C, 17/7/2009; temubual dengan Responden D, 20/7/2009; dan temubual dengan Responden E, 27/7/2009).

Sekiranya maklumat diambil kira, ini bererti bahawa sebahagian daripada masalah pelaksanaan tuntutan Islam dapat diatasi melalui program-program khusus, yang menyentuh soal ibadah atau *fardhu ain*.

Jadual 10 menunjukkan kepada kita bahawa komitmen pasangan *mualaf* terhadap ajaran Islam adalah tinggi. Hal ini tentunya memberikan kelebihan kepada

para pendakwah dalam usaha memberikan kefahaman yang lebih mendalam tentang ajaran Islam. Namun demikian, usaha perlu juga dibuat bagi menarik perhatian 22% lebih pada mereka yang kurang komited terhadap ajaran Islam. Sikap negatif ini dibimbangi akan menular kepada anak-anak di bawah jagaan mereka. Sekiranya hal ini berlaku, berkemungkinan kualiti masyarakat Islam akan semakin menurun dari satu generasi ke generasi berikutnya.

## REFLEKSI

Secara keseluruhan, semua agensi dan individu yang terlibat dalam bidang dakwah di Sabah, Malaysia telah melakukan usaha yang baik. Kesabaran dan kegigihan mereka perlu diberikan penghargaan. Pengorbanan mereka juga amat besar dan patut mendapat pengiktirafan. Syabas diucapkan kepada semua yang terlibat. Namun demikian, masih ada ruang untuk kita membuat penambahbaikan, agar usaha dakwah lebih berkesan. Antara aspek yang perlu diberi perhatian adalah kekurangan aspek *man power*, yang telah menimbulkan masalah dan kerumitan dalam memberikan bimbingan yang sempurna, khususnya kepada saudara baru Muslim atau *mualaf* (Don & Nasir, 2012).

Berdakwah kepada multi etnik dan bangsa boleh dilihat sebagai suatu usaha yang sangat bertepatan dengan kehendak

misi risalah *Nubuwwah* dan Islamiyah, sebagai *rahmatan lil 'alamim* atau rahmat kepada seluruh alam (al-Qaradhawi, 2001; dan Hofstede, 2004). Misi dakwah kepada multi etnik dan bangsa juga boleh dilihat sebagai satu usaha untuk membuktikan kesempurnaan Islam, khususnya ajaran yang bersifat universal, yang tidak terikat kepada mana-mana bangsa tertentu sahaja di atas muka bumi (Jemkhairil, 2010). Ini secara tidak langsung dapat membetulkan tanggapan sebahagian orang-orang yang bukan Islam, yang menganggap Islam ini hanya agama yang sesuai untuk bangsa Melayu sahaja (Mohamed, 2002).

Seterusnya, misi berdakwah kepada golongan multi etnik dan bangsa sebenarnya sangat mengisi fitrah asal kejadian setiap manusia yang berhajatkan kepada keadaan keberagaman, khususnya kepada golongan yang tidak terikat kepada mana-mana ikatan agama atau sedang mencari panduan ketuhanan. Ini kerana manusia, pada hakikatnya, tidak dapat melepaskan diri daripada agama, kerana inilah fitrah kewujudan manusia yang diciptakan oleh Tuhan, tanpa melihat asal keturunan dan bangsanya (al-Maududi, 2010).

Misi berdakwah kepada golongan multi etnik dan bangsa ini melibatkan strategi sebelum, semasa, dan selepas misi dakwah berjalan (Zin, 1997). Dalam konteks sebelum dan semasa pelaksanaan sesuatu usaha dakwah ini, misi berdakwah kepada masyarakat multi etnik dan bangsa tidak dapat lari daripada persoalan pokok dakwah, iaitu kaedah atau metodologi dakwah dan kandungan dalam berdakwah.

Dalam persoalan metodologi dakwah, penghayatan kepada firman Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*), dalam surah *Al-Nahl*, ayat 125, perlulah diberi penekanan dengan sebaik mungkin. Dalam hal

ini, tiga metodologi dakwah, iaitu: *pertama*, berdakwah dengan berhikmah; *kedua*, memberi nasihat dan bimbingan; serta *ketiga*, perdebatan yang harmoni berdasarkan ilmu dan kebijaksanaan, mesti menjadi metodologi asas dalam berdakwah kepada golongan bukan Islam (Mohamed, 2002; Hofstede, 2004; dan Smith, 2007).

Untuk menjadikan tiga metodologi asas ini lebih berkesan, para pendakwah perlulah terlebih dahulu menguasai dan memahami sebaik mungkin psikologi sasaran dakwah mereka, kepercayaan, kebudayaan, keadaan sosial, dan kemampuan berkomunikasi dengan golongan sasaran ini tanpa sebarang halangan. Dakwah dengan cara memahami sasaran dakwah juga disebut “dakwah Islam yang humanis”, iaitu dengan menekankan pentingnya pendekatan kemanusiaan dengan memperhatikan aspek psikologi, sosiologi, antropologi, budaya, dan pendidikan dalam berdakwah (Bukhari, 2012).

Dakwah humanis merupakan salah satu alternatif pendekatan dan metode yang menitikberatkan usaha memuliakan manusia. Tujuan utama dakwah ini adalah menyedarkan dan mendidik manusia berasaskan ajaran *Tauhid* dan nilai-nilai moral universal manusia (al-Maududi, 2010; dan Bukhari, 2012).

Kandungan dakwah juga adalah suatu perkara yang turut menentukan kejayaan misi sesuatu dakwah (Don *et al.*, 2015). Dalam konteks berdakwah, penekanan harus diberi terhadap pengisian dakwah, seperti pendidikan, ekonomi, dan sosial. Pengisian pendidikan merangkumi kursus *fardhu ain*, kursus pra-perkahwinan, dan lain-lain. Pengisian ekonomi pula merangkumi bantuan kecemasan, bantuan fakir miskin, bantuan sambutan Hari

Raya, dan lain-lain. Manakala pengisian sosial pula merangkumi program keluarga angkat, program *Ihya Ramadhan*, program sambutan hari kebesaran Islam, dan lain-lain (Muhamat, Don & Mohamad, 2012).

Dalam masa yang sama, dakwah hendaklah bersifat memulakan sesuatu yang mudah difahami dan dihayati oleh golongan sasaran (Abdullah *et al.*, 2014), seperti nilai-nilai murni Islam, nilai-nilai mulia kemanusiaan dan alam sejiwat, serta beberapa prinsip asas kepercayaan yang penting. Selain itu, konsep keadilan dalam Islam yang menentang kezaliman dan mencegah kemungkaran, konsep kebebasan dalam Islam, Islam dan alam sekitar, Islam dan kemajuan sains, Islam dan identiti bangsa, hubungan antara orang Islam dan bukan Islam, serta konsep persaudaraan dalam Islam yang mengundang rasa selamat adalah antara kandungan dakwah yang juga sesuai dikongsi kepada golongan sasaran (Rafida, Husna & Safiyah, 2012).

Adalah suatu yang menarik juga sekiranya para pendakwah mampu mencari titik persamaan antara apa yang ada dalam ajaran Islam dengan apa yang ada dalam ajaran agama-agama lain, khususnya dalam aspek nilai dan etika kehidupan manusia (*cf* Ahmad & Ismail, 1998; dan al-Maududi, 2010).

Misi berdakwah kepada golongan multi etnik dan bangsa perlulah juga mengambil kira kepada usaha-usaha *follow up*, atau susulan, kepada golongan sasaran ini. Para pendakwah perlu sentiasa memastikan peningkatan kefahaman ilmu, penghayatan amalan, serta keterikatan kepada nilai-nilai mulia Islam, yang telah bertambah daripada masa ke semasa (Jemkhairil, 2010).

Aktiviti dakwah yang bersifat kebajikan dan kemasyarakatan perlu dipertingkatkan dan meliputi pelbagai lapis masyarakat

yang terlibat. Perancangan kepada proses peningkatan dan penyampaian ilmu-ilmu Islam perlu dilaksanakan dengan lebih sistematik dan kreatif untuk mengekalkan minat dan kecenderungan golongan sasaran ini (Zin, 1997; dan Ahmad & Ismail, 1998).

Justeru, melihat kepada kepentingan, cabaran, metodologi, dan kandungan dakwah kepada multi etnik dan bangsa, maka agenda untuk berdakwah kepada golongan multi etnik perlu diberikan keutamaan oleh semua pihak, sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

## KESIMPULAN

Daripada penelitian yang dibuat dapatlah dirumuskan bahawa ajaran Islam di negeri Sabah, Malaysia mempunyai potensi untuk dikembangkan. Dalam erti kata lain, ruang dakwah di negeri ini masih luas terbuka, khususnya dalam rangka untuk melahirkan umat Islam yang berkualiti. Cabaran utama dalam dakwah sebenarnya bukan tentangan dan penolakan daripada penduduk yang bukan Islam. Cabaran sebenar ialah untuk memastikan agar Islam itu dihayati dan dipraktik dalam kehidupan seharian. Jika tidak, maka umat yang begitu ramai hanya diumpamakan seperti “buih di lautan”. Ini juga bermaksud bahawa bilangan umat Islam yang ramai, jika pengamalan ajaran tidak dipraktikkan dalam kehidupan, tidak memberi sebarang impak kepada masyarakat dan negara secara umum.

Menyedari tentang hal ini, mereka yang terlibat secara langsung dengan aktiviti dakwah perlu sentiasa memikirkan cara dan pendekatan yang terbaik, sesuai dengan perkembangan pemikiran masyarakat masa kini serta menggunakan pendekatan-pendekatan yang berstrategik dan

berperancang. Kajian ini juga mendapati bahawa perlu wujud program-program pemantapan akidah yang berterusan agar saudara-saudara baru Muslim, atau *muallaf*, dapat mempelajari ajaran ini dengan lebih mendalam. Disamping itu, agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam melaksanakan usaha-usaha dakwah perlu bersifat terbuka dan bersedia untuk memberi ruang bagi meningkatkan keupayaan diri di medan dakwah.<sup>1</sup>

## Referensi

- Abdullah, Nur A'thiroh Masyaa'il Tan *et al.* (2014). "Persepsi Saudara Muslim terhadap Program Dakwah di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kebangsaan, Kuala Lumpur" dalam *Sains Humanika*, 2(1), ms.145-150.
- Ahmad, Zulkifli & Mohd Yusof Ismail. (1998). *Pendidikan Syariah Islamiyah*. Ipoh: Pustaka Media Jaya, cetakan kedua.
- al-Maududi, Abul 'Ala. (2010). "Shahadul Haq: Siri Tarbiyah". Tersedia secara online di: <file:///C:/Users/acer/Downloads/Al-Maududi%20-%20Syahadatul%20Haq.pdf> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 28hb April 2016].
- al-Qaradhawi, Yusuf. (2001). *Islam Abad 21*. Jakarta: Pustaka Al-Kaustar, penterjemah Samson Rahman.
- Bukhari. (2012). "Dakwah Humanis dengan Pendekatan Sosiologis-Antropologis" dalam *Jurnal Al-Hikmah*, 4, ms.111-130.
- Buyong, Jamdin. (2013). "Islam Membentuk Tamadun Penduduk Sabah: Sejarah dan Kejayaan" dalam Anwar Fakhri Omar, Ezad Azraai Jamsari, Jaffary Awang [eds]. *Islam di Sarawak dan Sabah*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Daud, Saif@Shaiiffudin. (2010). *Transformasi Sosial Menerusi Islamisasi di Kalangan Orang Dusun di Ranau, Sabah*. Kota Kinabalu: JHEAINS [Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah].
- Don, Abdul Ghafar & Badlihisam Mohd Nasir. (2012). "Cabaran Dakwah di Malaysia: Sebelum dan Selepas Merdeka" dalam *Jurnal Al-Hikmah*, 4, ms.15-22.
- Don, Abdul Ghafar *et al.* (2015). "Penilaian terhadap Keberkesanan Kursus dan Latihan yang Ditawarkan oleh Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS)" dalam *Sains Humanika*, 6(1), ms.1-8.
- Guleng, Marlon P. (2014). "Penyesuaian Diri *Muallaf* terhadap Masyarakat dalam Kalangan Pelajar IDIP (Institut Dakwah Islamiah PERKIM)" dalam *Jurnal Al-Hikmah*, 6, ms.78-93.
- Hofsteede, William O.F.M. (2004). "Muslim Initiatives for Harmonious Interreligious Relations in Indonesia" dalam *Studies in Interreligious Dialogue*, Vol.14, ms.123-135.
- <http://www.islam.gov.my/informasi/statistiksaudarabaru.html> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 2 Mac 2016].
- Jemkhairil. (2010). "Komunikasi antara Budaya sebagai Metode Dakwah untuk Masyarakat Multi Etnik" dalam *Jurnal Al-Hikmah*, 2, ms.83-96.
- JHEAINS [Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah]. (2007). *Laporan Penyata Pengislaman, 1970-2007*. Kota Kinabalu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.
- Jones, Gavin W. *et al.* (2009). *Muslim – Non-Muslim Marriage: Political and Cultural Contestations in Southeast Asia*. Singapore: ISEAS [Institute of South East Asian Studies].
- JP [Jabatan Perangkaan] Malaysia. (2003). *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- JP [Jabatan Perangkaan] Malaysia. (2010). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- JP [Jabatan Perangkaan] Sabah. (2000). *Buku Tahunan Perangkaan Sabah: Sabah Statistic Yearbook*. Kota Kinabalu, Negeri Sabah: Jabatan Perangkaan Sabah.
- JP [Jabatan Perangkaan] Sabah. (2001). *Buku Tahunan Perangkaan Sabah: Sabah Statistic Yearbook*. Kota Kinabalu, Negeri Sabah: Jabatan Perangkaan Sabah.
- Kib, Mat Zin Mat. (2003). *Kristian di Sabah, 1881-1994*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Leng, Osman Abdullah@Chuah Hock & Abdul Salam Muhamad Shukri. (2008). *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*. Gombak: IIUM [International Islamic University of Malaysia] Press.
- Mohad, Abd Hakim *et al.* (2015). "Memahami Sikap Masyarakat Kristian terhadap Masyarakat Islam di Sabah: Pasca Isu Larangan Menggunakan Kalimah Allah". *Kertas Kerja* dalam Proceedings of ICIC 2015: International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21<sup>st</sup> Century, anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia, pada tarikh 6-7 September. Tersedia secara online juga di: <https://www.unisza.edu.my/icic/images/>

- [Fullpaper/60 - Abd Hakim Mohad.pdf](#) [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 28hb April 2016].
- Mohamed, Roslan. (2002). "Dakwah Non-Muslim: Satu Introspeksi Ringkas" dalam *Jurnal YADIM*, 3, ms.120-127.
- Muhamat, Razaleigh, Abd Ghafar Don & Abu Dardaa Mohamad. (2012). "Dakwah kepada Golongan Muallaf Orang Asli di Kelantan" dalam *Jurnal Al-Hikmah*, 4, ms.87-105.
- Nor, Hasan Mat. (2007). "Agama dan Hubungkaitnya dengan Toleransi Etnik di Sabah" dalam Sabihah Osman [ed]. *Toleransi Etnik dan Perpaduan Sosial*. Kota Kinabalu: Laporan Akhir Penyelidikan IRPA UMS.
- PERASA [Pembangunan Rakyat Sabah]. (2008). *Laporan Kajian Pembangunan Rakyat Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit PERASA.
- Puteh, Anuar et al. (2010). "Aktiviti Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) kepada Saudara Kita Masyarakat Kadazan/Dusun" dalam Ahmad Redzuwan Mohd Yunus et al. [eds]. *Dakwah Multi Etnik*. Bangi: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Puteh, Anuar, Razaleigh Muhamat & Abdul Ghafar Don. (2011). "Konsep Perkahwinan Campur dan Kepentingannya kepada Usaha Dakwah" dalam *Jurnal Al-Hikmah*, 3, ms.77-90.
- Rafida, A.R. Norhayati, N.H. Nurul Husna & A.S. Safiyah. (2012). "Perundingan Asas Penyebaran Dakwah Islam: Analisis Kerangka ke Atas Perjanjian Zaman Rasulullah SAW" dalam *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(1), ms.55-68.
- Sintang, Suraya. (2003). "Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah" dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil.18, ms.59-80.
- Sintang, Suraya. (2014). "Peaceful Co-Existence in Religious Diversity in Sabah, Malaysia" dalam *Global Journal of Human-Social Science, Arts & Humanities-Psychology*, Vol.14(1). Tersedia secara online di: [https://globaljournals.org/GJHSS\\_Volume14/9-Peaceful-Co-Existence-in-Religious.pdf](https://globaljournals.org/GJHSS_Volume14/9-Peaceful-Co-Existence-in-Religious.pdf) [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 28hb April 2016].
- Smith, Jane I. (2007). *Muslims, Christians, and the Challenges of Interfaith Dialogue*. New York: Oxford University Press.
- Talib, Ahmad Tarmizi et al. (2014). "Toleransi Sosio-Agama di Sabah". *Kertas Kerja* dibentang dan dibincang dalam Seminar Dakwah dan Etnik di UMS [Universiti Malaysia Sabah], Kota Kinabalu.
- Tamring, Budi Anto Mohd. (2008). "Pengaruh Agama dalam Interaksi dan Toleransi Etnik: Kajian Kes ke atas Pelajar Bumiputera Sabah di Universiti Malaysia Sabah". *Unpublished Master's Thesis*. Kota Kinabalu: UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- Temubual dengan Responden A, sorang *Mualaf* yang mengalami kesukaran untuk melaksanakan tuntutan Islam, di Sabah, Malaysia, pada tarikh 3hb Julai 2009.
- Temubual dengan Responden B, sorang *Mualaf* yang mengalami kesukaran untuk melaksanakan tuntutan Islam, di Sabah, Malaysia, pada tarikh 10hb Julai 2009.
- Temubual dengan Responden C, sorang *Mualaf* yang mengalami kesukaran untuk melaksanakan tuntutan Islam, di Sabah, Malaysia, pada tarikh 17hb Julai 2009.
- Temubual dengan Responden D, sorang *Mualaf* yang mengalami kesukaran untuk melaksanakan tuntutan Islam, di Sabah, Malaysia, pada tarikh 20hb Julai 2009.
- Temubual dengan Responden E, sorang *Mualaf* yang mengalami kesukaran untuk melaksanakan tuntutan Islam, di Sabah, Malaysia, pada tarikh 27hb Julai 2009.
- Yusof, Farahwahida binti Mohd & Norshiela binti Md Said. (2010). "Peranan NGO Islam terhadap Perlaksanaan Islah dan Dakwah dalam Kalangan Masyarakat". Tersedia secara online di: [http://eprints.utm.my/10433/1/PERANAN\\_NGO\\_ISLAM\\_TERHADAP\\_PERLAKSANAAN\\_ISLAH\\_DAN.pdf](http://eprints.utm.my/10433/1/PERANAN_NGO_ISLAM_TERHADAP_PERLAKSANAAN_ISLAH_DAN.pdf) [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 28hb April 2016].
- Zin, Abd Aziz Mohd. (1997). *Pengantar Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya].



**Keluarga Muslim di Sabah, Malaysia**

(Sumber: <https://abunuha.wordpress.com>, 28/4/2016)

Ajaran Islam di negeri Sabah, Malaysia mempunyai potensi untuk dikembangkan. Dalam erti kata lain, ruang dakwah di negeri ini masih luas terbuka, khususnya dalam rangka untuk melahirkan umat Islam yang berkualiti. Cabaran utama dalam dakwah sebenarnya bukan tentangan dan penolakan dari pada penduduk yang bukan Islam. Cabaran sebenar ialah untuk memastikan agar Islam itu dihayati dan dipraktik dalam kehidupan seharian.